

SIRI 8/2020 | 28 REJAB 1441H

**88 BUAH MASJID DAN 109 BUAH SURAU JUMAAT DI WILAYAH PERSEKUTUAN
BERSEDIA MEMBANTU ANAK KARIAH**

1. Kebajikan umat Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan sentiasa menjadi prioriti saya. Beberapa usaha telah dilaksanakan melalui misi #MUSAADAHCOVID19 yang memfokuskan asnaf dari Wilayah-Wilayah Persekutuan dan negeri-negeri yang telah dikenalpasti. Disamping itu, kebajikan petugas barisan hadapan (*frontliners*) tanpa mengira agama dan bangsa serta keperluan hospital di Wilayah-Wilayah Persekutuan juga tidak dikesampingkan.
2. Bagi menyebarkan misi #MUSAADAHCOVID19 agar dapat diraikan secara saksama, saya mengarahkan Masjid Wilayah Persekutuan, Masjid Putra dan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin untuk memanfaatkan tabung masjid bagi membantu anak-anak kariah yang memerlukan bantuan kewangan.
3. Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) juga diminta untuk menyelaraskan perkara ini di semua masjid-masjid dan Surau Diri Jumaat dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.
4. Saya amat meraikan sekiranya hal ini disambut dengan baik oleh semua pihak yang terlibat. Bagi pelaksanaan perkara ini di peringkat negeri, ia diserahkan kepada pertimbangan pihak berkuasa agama di setiap negeri.

SENATOR DATUK DR. ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)

23 MAC 2020